



**LAPORAN AKTIVITI
KEM CINTA ALAM SUKARELAWAN YES! & iM4U
PANTAI KERACHUT PULAU PINANG**

Seramai 47 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Politeknik Seberang Perai telah mengikuti Kem Cinta Alam yang telah di anjurkan oleh Kelab Sukarelawan Yes! & iM4U Politeknik Seberang Perai pada 4 hingga 6 Mac 2016 di Pantai Kerachut Telok Bahang, Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk membentuk jati diri para peserta menjadi seorang pemimpin yang berkualiti di samping menghayati keindahan alam sekitar yang ada.

Pada hari pertama 4/3/2016 (Jumaat), Semua peserta berkumpul di Taman Negara Pulau Pinang pada jam 2.30 petang dan mendengar taklimat daripada Pengarah Kem, En. Hafiz Ali Bin Mohd Anuar dan En. Norhairiman Bin Khairuddin daripada Jabatan Perhilitan Taman Negara Pulau Pinang.

Pada jam 2.50 petang peserta telah dikehendaki mendaki jalan berbukit menuju ke Pantai Kerachut. Perjalanan yang mengambil masa hampir 1 jam 30 minit telah memberikan peluang kepada para peserta untuk mengenali dengan lebih dekat lagi flora dan fauna yang terdapat di dalam Taman negara Pulau Pinang ini. Jalan yang berliku, curam dan mencabar telah menguji sikap putus asa para peserta. Namun begitu, kesemua peserta mampu tiba dengan selamat dan menghabiskan cabaran pendakian tersebut.

Setelah tiba di Pantai Kerachut, para peserta diberikan tunjuk ajar bagi membina dan memasang khemah masing-masing. Setiap khemah terdiri daripada dua atau tiga orang peserta. Mereka perlu memastikan tapak perkhemahan jauh daripada dahan pokok yang rapuh serta kawasan tapak yang rata bagi memudahkan pemasangan serta selamat untuk tidur.

Di sebelah malam pula, para peserta telah berpeluang untuk saling mengenali antara satu peserta dengan peserta yang lain. Aktiviti suai kenal yang dilakukan telah membolehkan para peserta membuang sifat malu serta membentuk rasa ingin mengenali sesama peserta.

Selain itu, para peserta turut dibahagikan mengikut kumpulan yang terdiri daripada lima kumpulan. Mereka diberikan peluang untuk melantik ketua kumpulan serta menamakan kumpulan masing-masing. Malahan Fasilitator turut meminta setiap kumpulan mencipta sorakan kumpulan masing-masing. Ini bertujuan untuk menaikkan semangat dan menyuntik rasa ingin berjaya bersama dengan ahli kumpulan.

Sepanjang kem berlangsung, para peserta diminta untuk mengikuti solat secara berjemaah pada setiap waktu solat. Malah peserta turut bergilir-gilir untuk mengalunkan azan pada setiap waktu. En. Mohamed Muzaidee Bin Mohamed Ali selaku salah seorang Penasihat Kem telah menyampaikan tazkirah selepas selesai solat. Ini memberikan peluang kepada peserta, bukan sekadar mendapat pengetahuan dalam

aktiviti lasak dan mencabar, malah penekanan terhadap aktiviti kerohanian turut dipadatkan.

Pada sebelah malam, peserta telah diberikan ruang untuk berehat di dalam khemah masing-masing. Namun begitu, hal ehwal keselamatan turut dititik beratkan. Sebahagian daripada peserta lelaki telah diberikan tugas untuk menjaga kawasan perkhemahan setiap 3 jam secara berganti-ganti. Hal ini bagi memastikan keselamatan peserta dan kawasan khemah lebih selamat.

Pada hari kedua 5/3/2016 (Sabtu), setelah selesai solat subuh berjemaah, para peserta telah dikumpulkan di kawasan terbuka sebagai tapak perhimpunan. Para peserta telah diminta untuk menyanyikan lagu Negara Ku dan lagu PSP dengan penuh bersemangat. Bendera Malaysia turut dinaikkan seiring dengan nyanyian Lagu Negara Ku oleh para peserta.

Kem Komandan, Saudara Muhammad Amir Izzat Bin Mohamad Nazir telah ditugaskan untuk memeriksa jumlah ahli dan peserta yang sakit sekiranya ada. Seterusnya, para peserta dengan diketuai Timbalan Kem Komandan, Saudara Mohamad Shafiq Bin Mohamad Nor telah melakukan senaman pagi sambil melihat matahari terbit. Suasana pagi yang sangat indah dan menyegarkan untuk memastikan para peserta dapat meneruskan aktiviti dengan penuh kecergasan sepanjang hari.

Setelah selesai senaman pagi, para peserta diberikan makan pagi yang telah disediakan dan diberikan masa untuk persiapan diri. Pada jam 9.00 pagi, para peserta dikumpulkan di kawasan terbuka berhadapan dengan laut untuk melakukan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan.

LDK (Latihan Dalam Kumpulan) di sebelah pagi terdiri daripada beberapa aktiviti kecil yang bertujuan untuk menaikkan dan meniupkan semangat berpasukan dan nilai-nilai pengorbanan kepada setiap peserta. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah, yang pertama Highway Kita di mana para peserta perlu membentuk satu barisan kumpulan yang paling panjang dengan menggunakan apa sahaja yang ada di badan atau diri. Aktiviti ini bertujuan untuk membentuk kumpulan yang sedia berkorban harta atau benda demi memastikan kumpulan dapat memenuhi cabaran ini dan berjaya.

Seterusnya adalah aktiviti Pecutan Gorila, di mana setiap kumpulan dibekalkan dengan tiga biji belon yang perlu dikepitkan di tangan dan kaki. Setiap peserta akan berlari ke satu garisan penamat dan kemudian berpatah semula untuk menyerahkan belon kepada ahli kumpulan yang seterusnya. Aktiviti ini telah membolehkan para peserta bertindak pantas dan membuat keputusan yang tepat di samping bekerjasama untuk berjaya.

Setelah dua aktiviti yang memupuk semangat bekerjasama berpasukan, aktiviti berikut pula adalah bertujuan untuk membentuk kumpulan yang cerdas dan berhati-hati dalam membuat keputusan. Aktiviti tersebut adalah Belonku Sayang dimana para peserta dibekalkan dengan sebiji belon yang berisi air, setiap ahli perlu menerima lambungan belon tersebut dan berganti-ganti membuat lambungan kepada ahli yang lain tanpa memecahkan belon yang berisi air tersebut.

Dan akhir sekali setiap peserta diminta untuk mengadunkan kesemua elemen yang telah dipelajari dalam aktiviti sebelumnya dengan membentuk satu roda gergasi melalui

surat khabar dan menggunakan roda gergasi tersebut untuk bergerak ke satu destinasi tanpa mengoyakkan surat khabar yang bertindak sebagai roda tersebut. Aktiviti ini adalah yang paling mencabar kerana setiap peserta perlu berhati-hati, bekerjasama dengan penuh erat serta menyusun strategi dengan baik dalam memastikan dapat menyelesaikan aktiviti tersebut. Malahan terdapat dua kumpulan yang sering kali melakukan aktiviti ini berulang kali kerana surat khabar tersebut telah koyak. Namun begitu sikap tidak berputus asa yang terhasil melalui aktiviti ini telah membolehkan mereka berjaya menyudahkannya.

Seterusnya para peserta dibenarkan untuk berehat, makan tengahari dan solat zohor secara berjemaah. Pada jam 2.15 petang, para peserta sekali lagi dikumpulkan untuk mengikuti Latihan Dalam Kumpulan yang kedua iaitu mencipta sebuah kapal yang mampu terapung di dalam air menggunakan straw. Setiap kumpulan telah mencipta bentuk dan pelbagai jenis kapal yang mampu terapung di dalam air. Fasilitator pula akan menguji dengan meletakkan telur ayam sebagai pemberat. Terdapat dua kumpulan yang mampu mengapungkan sehingga 6 biji telur ayam sekaligus tanpa tenggelam. Hal ini menunjukkan para peserta mula mampu berfikir dan bertindak di luar kotak pemikiran dalam menghasilkan sesuatu yang luar biasa.

Selepas menyelesaikan aktiviti tersebut, Fasilitator telah membawa para peserta untuk melawat Pusat Konservasi Penyu Pantai Kerachut. Pusat ini yang dibawah Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah dibuka sejak tahun 1990an lagi yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara tempat pendaratan penyu untuk bertelur. Salah seorang pegawai iaitu En Safwan telah memberikan taklimat berkaitan dengan Pusat Konservasi Penyu tersebut kepada para peserta. Malahan para peserta turut berpeluang memegang dan melihat sendiri penyu yang baru menetas. Pengetahuan dan pengalaman baru ini telah mencerikan para peserta yang hadir.

Selepas selesai lawatan, para peserta diminta untuk solat asar secara berjemaah dan kemudiannya diberikan bahan-bahan untuk memasak. Para peserta telah diberikan peluang untuk memasak makan malam mereka sendiri dengan menggunakan dapur kayu api. Setiap kumpulan perlu mencari kayu api dan membuat api sendiri dan seterusnya memasak makanan mereka.

Selepas solat Maghrib berjemaah, semua peserta telah dikumpulkan bersama dengan lauk pauk yang dimasak untuk di makan secara beramai-ramai. Setiap masakan yang dibuat oleh para peserta sangat sedap dan boleh dimakan.

Selesai membersihkan peralatan memasak dan solat Isyak, para peserta telah diminta untuk bersiap diri untuk mengikuti "night walk". Aktiviti berjalan malam ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada para peserta manghayati keindahan alam sekitar pada sebelah malam.

Setelah tamat aktiviti tersebut, para peserta diberikan rehat dan sebahagian peserta lelaki diminta untuk membuat kawalan keselamatan tapak perkhemahan.

Pada hari terakhir 6/3/2016 (Ahad), para peserta telah melakukan rutin pagi seperti sebelumnya iaitu menyanyikan lagu Negara Ku dengan diiringi menaikkan bendera Malaysia Kemudian para peserta diminta juga untuk menyanyikan lagu PSP. Dan diikuti dengan aktiviti senaman pagi bagi membentuk peserta yang cergas dan cerdas.

Pada jam 8.15 pagi para peserta telah diberikan pelepasan untuk bersiap diri dan bersarapan. Kem Komandan dan Timbalan Kem Komandan telah ditugaskan untuk mengatur peserta bagi tujuan pembersihan kawasan tapak perkhemahan. Peserta memberikan kerjasama yang baik dan membuat kerja yang sangat memuaskan dengan membersihkan kawasan serta mengemaskan tapak perkhemahan dalam masa yang ditetapkan.

Pada jam 11.00 pagi, para peserta telah berkumpul di dewan terbuka untuk mengikuti Majlis Penutup Kem Cinta Alam yang akan disempurnakan oleh En Shuhaimi Bin Samanol, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai. Turut hadir ialah En. Sulaiman Bin Abdullah, Pegawai Sukarelawan YES! & iM4U Politeknik Seberang Perai, En. Norhairiman Bin Khairuddin, Wakil Jabatan Perhilitan dan Taman Negara Pulau Pinang dan En. Rosman Omar Setiausaha Kerja JKKKP Telok Awak.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negara Ku dan Bacaan doa oleh wakil peserta. Seterusnya adalah ucapan Penghulu Kem iaitu Saudara Abdul Rahman Bin Shabri. Beliau telah mengucapkan terima kasih dan melahirkan rasa syukur kerana dapat berpeluang menimba pengalaman baru sepanjang berada di dalam kem.

Ucapan berikutnya adalah daripada En. Rosman Omar selaku Setiausaha Kerja JKKKP Kg Teluk Awak. En. Rosman telah menyatakan bahawa kehadiran para peserta ke sini merupakan satu perkara yang baik yang perlu diteruskan kerana pengalaman dan pengetahuan yang ditimba semasa melakukan kem adalah suatu yang sangat berharga.

Akhir sekali adalah ucapan penutup oleh En Shuhaimi Bin Samanol. Beliau melahirkan rasa bangga dengan kejayaan yang telah dilakukan oleh Kelab Sukarelawan Yes! & iM4U yang membawa para peserta PSP ke Pantai Kerachut dan menimba pelbagai pengalaman yang tidak mampu dipelajari di dalam kuliah. Hal ini adalah suatu yang perlu di rebut oleh para peserta agar pengalaman ini mampu memantapkan para peserta. Sebagai gimik perasmian, pasukan sukarelawan daripada SMK Teluk Bahang telah menunjukkan persembahan silat kepada tetamu jemputan sebagai tanda penamat program.

Seterusnya adalah penyampaian sijil dan cenderahati kepada setiap kumpulan. Dua orang peserta telah terpilih sebagai peserta terbaik iaitu Saudara Divagaran A/L Karanamoorthy dan Saudari Nur Hikmah Binti Amirudin. Mereka berdua telah memberikan dan menunjukkan semangat sebagai peserta yang sentiasa mahu melakukan yang terbaik sepanjang kem berlangsung.

Pada jam 12.30 tengahari, setelah selesai makan tengahari, para peserta telah dibawa pulang ke Jabatan Perhilitan Teluk Bahang dengan bot yang disediakan sebelum pulang ke PSP dengan menaiki bas.